

# مقيم تاموي بيجاره كامقوع

## *Mukim Tamoi* sejarah kampung





Terbitan  
Unit Penerbitan Melayu  
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Hak cipta  
Jabatan Penerangan

Penyelaras  
Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Kaji Selidik/Penyunting  
Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail  
Awang Abu Bakar bin Haji Abd Rahman  
Dayang Zawiyatun Ni'mah binti Mohd Akir

Penyemak  
Dayang Ramlah binti Mohd. Nor  
Dayang Norhafilah binti Rosli

Reka Letak/Hiasan Kulit  
Awang Khairul Shahrin bin Haji Ghafor

# *Isi Kandungan*

MUKA SURAT

<b>Pengenalan</b>	I
<b>Pengenalan Mukim Tamoi</b>	10
<b>Kampung Tamoi Ujong</b>	16
<b>Kampung Tamoi Tengah</b>	19
<b>Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama</b>	22
<b>Kampung Pengiran Tajuddin Hitam</b>	24
<b>Kampung Pengiran Bendahara Lama</b>	26
<b>Kampung Ujong Bukit</b>	30

# Pengenalan

Menurut sejarawan asal usul nama Brunei ialah daripada perkataan Sanskrit “Bhruni”, ertinya tanah atau negeri. Ada juga yang menyebutnya ‘varunai’, bererti orang laut yang hidup menguasai laut.

Orang India pula menyebut Brunei dengan nama ‘Kapuradvipa’, bererti negeri yang mengeluarkan kapur barus. Manakala orang Jawa menamakan Brunei dengan nama Buruneng.

Orang-orang tua Brunei menyatakan Brunei berasal daripada perkataan ‘baru nah’ bererti baik dan sesuai dengan yang dicita-citakan. Perkataan ‘baru nah’ ini muncul ketika satu rombongan puak Sakai diketuai oleh Pateh Berbai dititahkan oleh Sultan Muhammad (Awang Alak Betatar) mencari penempatan baharu untuk membuat negeri baharu.

Dalam sejarah China pula, orang China mengenali Brunei dengan nama P’oli atau P’olo atau P’oni (Puni). Dalam TMI 397, barulah P’oli atau P’olo atau P’oni itu disebut oleh mereka dengan nama Brunei.<sup>1</sup>

Negara Brunei Darussalam mempunyai keluasan 5,765 kilometer batu persegi dan terbahagi kepada empat buah daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong. Setiap daerah mempunyai beberapa buah mukim di dalamnya yang mana dalam setiap mukim itu terdapat beberapa



KEADAAN tenang di Kampong Ayer pada suatu ketika dulu.

<sup>1</sup>Dato Paduka Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif, Awang Haji Zainuddin bin Haji Hassan, Kerajaan Awal Brunei, Pusaka, Pusat Sejarah, Bil.14, 2007, hal. 44-45.

buah kampung. Pembahagian kampung-kampung mengikut mukim-mukim di bawah pentadbiran Pejabat Daerah dengan dipantau oleh pegawai daerah masing-masing. Ini setentunya dapat mengawasi kesejahteraan kampung masing-masing melalui penghulu dan ketua kampung.

Mukim-mukim tersebut pula di bawah pengawasan penghulu yang bertanggungjawab terhadap semua perkara-perkara yang berkaitan dalam kampung-kampung di bawah jagaannya. Sementara ketua kampung pula akan memastikan segala hal ehwal yang berkaitan dengan kampung di bawah masing-masing terpelihara dan akan membawa perkara tersebut kepada penghulu terlebih dahulu.

Daerah Brunei dan Muara, merupakan salah sebuah dari empat daerah di negara Brunei Darussalam. Daerah ini merupakan daerah yang paling kecil dengan keluasan 571 kilometer persegi (220 batu persegi) tetapi mempunyai penduduk yang paling ramai. Mengikut catatan pada tahun 2016, seramai 292,705 orang tinggal di daerah ini. Ini mungkin disebabkan ibu negara Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan terletak dalam daerah ini.

## Kampung Ayer

Kampung Ayer merupakan lambang keunggulan bagi Negara Brunei Darussalam pada masa silam, ia bukan saja sebagai sebuah penempatan masyarakat malah ia juga sebagai pusat pemerintahan negara.

Selain dikenali sebagai pusat pelabuhan, Kampung Ayer juga dikenali sebagai pusat perdagangan di rantau ini selain dianggap sebagai sebuah bandar dan ibu negeri.

Kewujudan Kampung Ayer sememangnya tidak dapat ditebak dengan pasti namun para pengkaji sejarah telah mencatatkan keberadaannya lebih awal dari Abad Ke-16.



KEADAAN para pedagang menjual barangan mereka dengan menggunakan sampan.

DAERAH	MUKIM	KAMPUNG
Brunei dan Muara	17	92
Tutong	8	33
Belait	7	20
Temburong	5	63

*Pembahagian mukim-mukim dan kampung-kampung di seluruh daerah di Negara Brunei Darussalam.*

Sebagai sebuah negara yang membangun, Kampong Ayer yang terletak di Daerah Brunei dan Muara mengalami transformasi yang hebat dengan perubahan mengikut zaman yang semakin mencabar. Begitu juga dengan perubahan struktur mukim-mukim dan kampung-kampung untuk kesenangan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kampong Ayer mempunyai keluasan lebih kurang 10 kilometer per segi. Secara keseluruhannya Kampong Ayer mengandungi 6 Mukim iaitu Mukim Tamoi, Mukim Sungai Kedayan, Mukim Saba, Mukim Peramu, Mukim Burung Pingai Ayer dan Mukim Sungai Kebun. Pada dasarnya, Kampong Ayer boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kawalan pinggir Bandar Seri Begawan dan berdekatan dengan Istana Darul Hana. Satu bahagian lagi terletak di seberang sungai yang bertentangan dengan Bandar Seri Begawan iaitu dari Mukim Burung Pingai Ayer di hulu sungai Brunei hinggalah ke Mukim Sungai Kebun di Kuala sungai Brunei.<sup>2</sup> Tetapi sekarang hanya tinggal lima buah mukim sahaja yang mana Mukim Sungai Kedayan tidak lagi wujud kerana pembangunan telah mengambil tempat di kawasan tersebut.

Bila disebut sahaja Kampong Ayer, pasti terbayang deretan rumah yang dibina di atas air yang dihubungkan dengan titian atau pail-pail yang diperbuat daripada kayu atau konkrit. Tidak dinafikan keunikan ini menjadi daya tarikan pelancong dari luar negeri mahupun dari penduduk tempatan.

Kampong Ayer merupakan penempatan yang mempunyai segala infrastruktur asas selari dengan perkembangan masa. Talian telefon, bekalan elektrik dan juga air, penyediaan sistem pembuangan sampah yang lebih sistematik, dan perkhidmatan pos turut disediakan untuk kemudahan penduduk yang tinggal di Kampong Ayer. Begitu juga dengan masjid-masjid dan surau-surau disediakan untuk kemudahan beribadat bagi penduduk yang tinggal di Kampong Ayer dan kawasan sekitarnya.

Perahu atau bot merupakan pengangkutan popular yang digunakan bagi penduduk yang tinggal di Kampong Ayer untuk menyeberang. Tetapi era pembangunan yang berkembang pesat di negara ini menyebabkan pengangkutan air semakin merosot kerana adanya jambatan penghubung yang dibina iaitu antara Bandar Seri Begawan dengan Sungai Kebun iaitu Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Walau bagaimanapun, sejumlah pelancong-pelancong masih berminat menggunakan bot atau perahu untuk merasai sendiri nikmat berperahu dan melihat-lihat keindahan pemandangan yang ditawarkan di sekitar perairan di Kampong Ayer.

Keunikan Kampong Ayer bukan sahaja dianggap sebagai sebuah bandar malah sebagai sebuah negeri daripada pandangan bangsa asing dan memiliki berbagai aspek kebudayaan, ekonomi, sosial, kepercayaan dan keagamaan. Dalam aspek kebudayaan seperti permainan dalam kalangan masyarakat Kampong Ayer, permainan tradisi kanak-kanak dan orang dewasa seperti congkak, permainan pasang, saluk-salukan, kikik, simban dan carah merupakan permainan yang sangat digemari apatah lagi pada ketika itu belum ada permainan moden seperti yang ada pada masa ini. Sering kali permainan tradisi ini dimainkan untuk meraikan hari-hari penting seperti majlis perkahwinan dan pindah rumah atau sekadar untuk berlawan secara suka-suka sahaja. Jenis-jenis permainan ini dimainkan sama ada secara solo atau berkumpulan.

<sup>2</sup>Datin Dr. Hajah Sa'adiah binti Datu Derma Wijaya Haji Tamit, Suara Wanita Brunei Siri 3, 2016, hal 138.



PEMANDANGAN yang indah di sebuah kampung pada waktu dulu dengan padian menjual barang dagangannya.

## **Kampung Ayer sebagai pusat pemerintahan dahulu**

Kewujudan Kampung Ayer tidak dapat dipisahkan dengan pemerintahan Negara Brunei Darussalam. Suatu ketika dulu Kampung Ayer pernah menjadi pusat pentadbiran, pusat perdagangan, pusat pendidikan, pusat penyebaran agama Islam dan pusat budaya. Dalam kegemilangan sejarah empayar Brunei, Kampung Ayer telah dikaitkan sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran dan juga berperanan sebagai pelabuhan perdagangan bagi pedagang-pedagang dari luar.

Pada zaman itu Bandar Brunei merupakan pelabuhan perdagangan yang menjadi pusat perdagangan di antara Brunei dan negara-negara luar. Barang dagangan termasuklah kapur barus, kulit kayu manis, mutiara, intan, berlian (dari Tanjongpura, Sumatera) emas, ubar, lilin lebah, wangi-wangian dan berbagai jenis makanan.<sup>3</sup> Sementara, barang-barang dagangan yang dihargai oleh penduduknya pada masa itu sebahagian besarnya barangan yang dibawa masuk seperti besi, gangsa (tembaga), raksa, cinnabar (pewarna merah untuk berdandan), barangan kaca/tembikar, dan kain-kain.

Kegemilangan Kampung Ayer sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran hanya tinggal sebagai ristaan. Sehingga sekarang Kampung Ayer dijadikan sebagai penempatan penduduk setelah zaman kegemilangannya berakhir. Tetapi kegemilangannya serta keunikannya sebagai sebuah perkampungan di atas air sangat mengkagumkan kerana ciri-ciri perumahan seperti yang terdapat di Kampung Ayer tidak ada di negara lain.

Sebagai pusat pemerintahan atau ibu kota, Bandar Brunei ketika itu telah dihuni oleh lebih kurang 25 ribu orang penduduk dan terletak di Kampung Ayer. Kampung Ayer yang juga disebutkan sebagai 'Brunei town'

---

<sup>3</sup>Awang Haji Zainuddin bin Haji Hassan, 'Ristaan Bandar Brunei', Pusaka, pusat Sejarah, Bil. 15, 2008, hal. 14





**ANTARA** urusan jual beli yang dilakukan oleh penduduk Kampong Ayer suatu ketika dulu dengan pedagang menjual barangannya dengan menggunakan sampan iaitu dengan singgah dari rumah ke rumah.

merupakan sebagai penempatan penduduk dan juga berperanan sebagai pelabuhan perdagangan, dan menjadi pusat perdagangan bagi pedagang-pedagang Brunei dengan pedagang dari luar. Daripada keterangan berkenaan, Kampong Ayer menjadi pusat ibu negeri atau ibu kota Brunei ketika itu mempunyai kawasan yang luas, bukan hanya setakat di persisiran sungai sekitar Kota Batu, tetapi juga merangkumi penempatan penduduk di kawasan Kampong Ayer yang ada sekarang.<sup>4</sup>

## **Cabaran yang dihadapi Kampong Ayer**

Kampong Ayer menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negeri sebenarnya mempunyai hubungan yang rapat dengan sejarah awal Brunei. Kampong Ayer telah wujud lebih seratus tahun yang lalu. Tetapi apa yang membimbangkan sekarang ialah golongan tua yang mengetahui sejarah awal Kampong Ayer semakin berkurangan. Jika adapun tidak ramai yang dapat menceritakan pengalaman dan pengetahuan mereka membesar di Kampong Ayer. Jika tidak ada pihak-pihak tertentu yang berusaha untuk membuat kajian supaya nama-nama kampung tersebut tidak pupus, dikhawatiri ada sebahagian kampung-kampung tersebut akan tinggal nama sahaja seperti yang terjadi pada beberapa buah kampung sebelum ini. 'Kampung yang hilang' ini sudah tentu akan menjadi kerugian pada sejarah negara kita.

Dengan perubahan arus masa dan zaman serta kemajuan kehidupan yang dinikmati secara langsung telah mengubah keadaan kehidupan masyarakat di Kampong Ayer tambahan pula apabila Rancangan Kemajuan Perumahan Negara dan Skim Kurnia Tanah Rakyat Jati diperkenalkan kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

---

<sup>4</sup>Awang Haji Zainuddin Awang Haji Hassan, Awang Haji Menudin Pengarah Haji Md.Zin, Bandar Brunei:Pemindahan dari Kampong Ayer ke Darat, Buku Kenang-kenangan Sempena Memperingati 100 Tahun (1906-2006) Pembangunan Bandar Di Darat), 2007, hal.32.

Apa yang ketara kini Kampong Ayer semakin pupus jika tidak diambil perhatian mengenai perkara ini. Kampong Ayer sekarang bukan lagi seperti Kampong Ayer dulu yang meriah dan penuh kekeluargaan, kejiranan dan semangat sekampung. Walaupun masih wujud Kampong Ayer tetapi kenangan sewaktu Kampong Ayer zaman dulu masih membekas di hati mereka terutama orang-orang tua yang masih tinggal di Kampong Ayer.

Keadaan ini mungkin disebabkan kejadian kebakaran besar-besaran yang berlaku di Kampung Sultan Lama yang mana telah meranapkan hampir keseluruhan kampung tersebut dan kawasan yang berhampiran. Beberapa kejadian kebakaran di beberapa buah kampung di Kampong Ayer juga menambah berkurangnya bilangan penduduk yang tinggal di sana apabila mereka berpindah dari sana. Ini ditambah lagi dengan projek pemindahan penduduk-penduduk di Kampong Ayer untuk memberi laluan kepada pemodenan bandar.

Bimbang jika sejarah lampau Kampong Ayer akan hilang begitu sahaja, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuka sebuah galeri yang dinamakan Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer yang setentunya boleh memberi sedikit maklumat dari sana tentang sejarah Kampong Ayer.

## **Transformasi pentadbiran Kampong Ayer**

Pada tahun 1977, pentadbiran Kampong Ayer telah mengalami perubahan struktur pentadbirannya dengan membahagikan Kampung-kampung Ayer tersebut kepada enam mukim. Setiap mukim mengandungi beberapa buah kampung di bawahnya dengan diawasi oleh seorang penghulu dan setiap kampung pula masing-masing dijaga oleh seorang ketua kampung.



**GAMBAR** lama ini menunjukkan beberapa buah perkampungan yang terletak di ibu negara pada suatu masa dulu antaranya Kampung Bukit Salat, Kampung Sumbiling Lama dan Kampung Sumbiling Baharu.



DERETAN rumah-rumah lama yang terdapat di Kampong Ayer yang kini menjadi ristaan sejarah.

## Penamaan Kampung-kampung

Setiap nama sesuatu pasti ada sebab di sebaliknya. Begitulah juga dengan nama-nama kampung yang terdapat di negara ini. Pelbagai kisah yang dapat kita dengari mengenai sejarah tertubuhnya sesebuah tempat tersebut. Pada kebiasaannya panggilan nama-nama untuk sesebuah tempat mempunyai peristiwa dan kejadiannya yang tersendiri.

Nama-nama kampung dan mungkin nama-nama tempat bersejarah di negara ini adalah berdasarkan kepada lisan orang tua-tua atau cerita-cerita tradisi yang disampaikan daripada satu generasi ke generasi berikutnya tentang asal-usul kampung tersebut. Adalah sesuatu yang menarik kerana hampir semua nama-nama tempat di negara ini kebanyakannya positif dan tidak banyak yang bercanggah dengan adat Melayu dan ajaran agama Islam. Ada juga nama kampung di Kampong Ayer diambil bersempena dengan nama orang-orang yang disampiri gelaran atau kerana pekerjaan yang dilakukan di kampung tersebut.

Nama-nama yang diberikan juga biasanya berkaitan dengan tempat, kawasan, daerah, kampung berkenaan. Oleh itu, ianya mudah difahami, dan diketahui serta mudah dicari oleh masyarakat setempat khususnya kerana ia mempunyai kaitan yang rapat dengan sosiobudaya terutama sekali yang tinggal atau pernah menetap di tempat tersebut.

Penamaan Kampong Ayer adalah merupakan gambaran corak kehidupan dan aktiviti penduduk Kampong Ayer dalam bidang ekonomi, budaya dan sosial. Adalah amat menarik bahawa nama beberapa buah kampung di Kampong Ayer berubah-ubah dari semasa ke semasa disebabkan oleh pembesarnya dan oleh kerana penyesuaian tertentu. Pada umumnya asal nama kampung dapat dibahagikan kepada empat perkara iaitu sempena gelaran orang kenamaan yang ada di situ yang selalunya menjadi ketua kampung, pekerjaan penduduknya, sempena nama tempat di situ atau sempena sesuatu peristiwa bersejarah.<sup>5</sup>

<sup>5</sup>Awang Jaafar bin Muhammad Sab, Kampong Ayer, Pusaka, Bil.2, 1988, hal.34

## Pekerjaan

Kebanyakan penduduk-penduduk kampung di Kampong Ayer berkhidmat dengan kerajaan dan pihak swasta. Bahkan ada juga yang membuka perniagaan sendiri berasaskan kepandaian masing-masing seperti perusahaan membuat perahu, bertenun kain Jong Sarat, membuat ikan masin, membuat belacan dan lain-lain lagi untuk menampung perbelanjaan seharian.

Pembuatan kuih-kuih tradisi juga kerap dikaitkan dengan penduduk di Kampong Ayer. Antara kuih-muih kering yang terkenal ialah kuih cincin, buahulu, sapit, kuih jala, Kekara, Cakul, Sesagun, Madu Kesirat, Koya, Jit Manis, Ampung dan lain-lain lagi.

Menangkap ikan, merupakan kerja yang lumrah dilihat di kawasan Kampong Ayer. Lelaki, perempuan bahkan orang-orang tua dan kanak-kanak juga sering dilihat duduk mengail di pail-pail atau di pantaran (beranda) rumah masing-masing jika air pasang. Sambil mengail atau memukat, mereka akan duduk berehat-rehat sambil berbual sesama ahli keluarga dan jiran. Kemesraan seperti inilah yang mengukuhkan lagi ikatan kekeluargaan dan jiran tetangga.

Dalam Sejarah Kampung-kampung di Mukim-Mukim pada keluaran kali ini akan mengenalkan kampung-kampung yang ada di bawah Mukim Tamoi. Ini kemudian diikuti dengan kampung-kampung lain di ke empat-empat daerah.



KELIHATAN dua orang kanak-kanak sedang membeli barangan yang dijual oleh pedagang.




**PARA** pedagang ketika membawa dagangan mereka untuk urusan jual beli.



**PADIAN** yang merupakan legenda di Kampong Ayer merupakan pedagang wanita yang menjual berbagai barangan terutama berupa makanan se harian.

# Pengenalan Mukim Tamoi



PETA kedudukan kampung-kampung di Mukim Tamoi dan beberapa buah kampung di sekitarnya.

## Penghulu dan Ketua Kampung di Mukim Tamoi

MUKIM TAMOI			
BIL	KAMPUNG	NAMA	JAWATAN
1		Pengarah Haji Mokti bin Md Salleh	Penghulu Mukim Tamoi
	Kampung Ujung Bukit/Kampung Limbungan	Awang Haji Abdul Wahab bin Abd Rahman	Ketua Kampung
2	Kampung Pengiran Bendahara Lama	Awang Haji Abd Hamid bin Haji Hussin	Ketua Kampung
3	Kampung Ujung Bukit/Kampung Limbungan	Awang Haji Abdul Wahab bin Abd Rahman	Ketua Kampung
4	Kampung Pengiran Tajuddin Hitam/ Kampung Pengiran Kerma Indera Lama	Awang Haji Abd Momin bin Haji Bini	Ketua Kampung
5	Kampung Tamoi Tengah/Kampung Tamoi Ujong	Awang Tarif bin Haji Asgar	Ketua Kampung

**Nota: Maklumat setakat April 2018.**

## Statistik Mukim Tamoi

Keluasan : 51.7600 Hektar Jumlah Penduduk : 1,603 orang)		Ramai penduduk
1	Kampung Limbungan	54
2	Kampung Pengiran Bendahara Lama	305
3	Kampung Pengiran Kerma Indera Lama	169
4	Kampung Pengiran Tajuddin Hitam	194
5	Kampung Tamoi Tengah	429
6	Kampung Tamoi Ujung	261
7	Kampung Ujung Bukit	181

**M**ukim Tamoi yang lebih sinonim dengan Kampung Tamoi terletak di perairan Sungai Brunei, bermula dari persimpangan Sungai Kedayan menghala ke hulu Sungai Brunei berdekatan dengan kawasan Istana Darul Hana iaitu di sebelah daratan.

Mukim Tamoi pada awalnya mengandungi beberapa buah kampung terdiri daripada Kampung Tamoi Ujong, Kampung Tamoi Tengah, Kampung Pengiran Tajuddin Hitam, Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama, Kampung Pengiran Bendahara Lama, Kampung Limbongan dan Kampung Ujong Bukit.

Namun dengan terbinanya Taman Mahkota Jubli Emas sejak dua tahun lalu, telah menyebabkan para penduduk di dua buah kampung iaitu Kampung Limbongan dan Kampung Ujong Bukit dipindahkan ke Rancangan Perumahan Negara seperti di Rancangan Perumahan Negara di Kampung Panchor, Mengkubau (Jalan Bukit Sinadur).



**PENGHULU** Mukim Tamoi, Awang Haji Mokti bin Mohd. Salleh.

## **Asal usul**

Menyentuh tentang asal usul Kampung Tamoi sama ada yang berkaitan dengan Kampung Tamoi Tengah mahupun Kampung Tamoi Ujong pada masa dulu tidak dapat dipastikan kesahihan atau secara tepatnya. Walaupun kewujudannya pernah dituturkan dari mulut ke mulut melalui orang-orang tua sejak dari dulu lagi. Tetapi apa yang pernah tercatat dalam buku-buku sejarah bahawa Kampung Tamoi ini merupakan antara kampung yang tertua yang pernah ada dalam sejarah Kampong Ayer bersama-sama dengan Kampung Saba, Kampung Burung Pingai dan Kampung Sungai Kedayan.

Pada Abad Ke-18 kewujudan Kampung Tamoi pernah tercatat pada peta Kampong Ayer yang dikenali sebagai Kampung Tamoi Menengah sahaja namun begitu cerita orang-orang tua juga tidak dapat dipisahkan dengan kewujudan kampung ini sekalipun cerita-cerita tersebut berlainan pendapat.

Menurut Penghulu Mukim Tamoi, Pengarah Awang Haji Mokti bin Mohd. Salleh berkata asal usul Kampung Tamoi diperoleh dari perkataan "Tamamur".

Beliau mendapat cerita tersebut dari pertuturan orang-orang tua dulu iaitu bermula dari peristiwa seorang pahlawan yang berjaya mempertahankan tempat berkenaan (belum ada nama kampung) dari amukan orang luar yang telah mengorbankan banyak nyawa yang berkemungkinan berhasrat untuk merampas kawasan tersebut.

Jelasnya, pada saat orang itu mengamuk adalah penduduk yang teringatkan seseorang yang bernama Liau Haris. Beliau merupakan salah seorang penduduk yang gagah dan mempunyai banyak ilmu. Ketika kejadian, beliau sedang mengambil kayu di Lumadan (sekarang bahagian kawasan Istana Nurul Iman). Lalu bergegaslah beberapa orang penduduk menuntutinya (menemuinya) lalu menceritakan kejadian berkenaan kepadanya.

Sepulangnya dari Lumadan, Liau Haris pun terus menghadapi orang tersebut, maka berlakulah pertempuran yang sangat sengit yang akhirnya Liau Haris berjaya membunuhnya.



Melihat kehandalan serta kegagahan yang dimiliki Liau Haris itu maka orang kampung pun menggelar beliau 'Tamamur Liau Haris atu eh' yang bermakna gagah sungguh Liau Haris. Maka dari kata Tamamur itulah menjadi Tamoi. Begitulah asal usul Kampung Tamoi yang diperolehi.

Sementara, dalam petuturan yang disampaikan oleh Ketua Kampung Tamoi Tengah dan Tamoi Ujong, Awang Tarip bin Haji Asgar berkata, menurut orang tua-tua dahulu, nama kampung tersebut bermula dari seorang pahlawan yang gagah bernama Jumat.

Disebabkan kegagahannya telah menjadikan tempat itu menjadi termasyhur dan makmur sehinggalah membawa kepada perkataan Tamoi.

Beliau menganggarkan Kampung Tamoi itu telah wujud sejak tahun 1800 lagi atau sebelumnya kerana memandangkan bapa saudaranya pernah tinggal di kampung berkenaan dan lahir pada awal tahun 1900 dan ini belum lagi usia datuk neneknya.

Lain pula cerita yang dituturkan oleh Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Abd.Rahman, penduduk Kampung Tamoi Tengah berusia 68 tahun.

Katanya, Kampung Tamoi ini bermula dari penghijrahan sebuah keluarga yang berasal dari Kampung Saba diketuai oleh seseorang (tidak jelas) sama ada yang bernama Awang Jumat atau Japar bersama keluarga terdekat dan pengikut-pengikutnya ke suatu tempat yang pada masa itu belum mempunyai nama. Kebanyakan pengikut-pengikut pada masa itu adalah berbangsa Sakai.

Apabila sudah bertapak dan mendirikan rumah di sana maka bermulalah kehidupan mereka dengan baik.

Cerita tersebut beliau perolehi dari pertuturan datuk saudaranya (Almarhum Haji Abu Bakar bin Salleh, (Mantan Ketua Kampung Datu Gandi) yang mana orang tuanya berasal dari Kampung Tamoi.

Jelasnya, disebabkan kepimpinan yang baik dan tidak ada 'kacau piruk' maka tempat itu menjadi aman, damai dan sejahtera sehingga tersohor dengan panggilan "Tamamoi" dan akhirnya perkataan tersebut berubah menjadi Tamoi.

Namun dalam penyelidikan yang dilakukan oleh Jabatan Pusat Sejarah Brunei ada mencatatkan bahawa Kampung Tamoi berasal dari kepimpinan seseorang bernama Haji Tarif.

Kepimpinannya terbilang apabila beliau berjaya mengetuai penduduk kampung menghalang serta mematahkan serangan penceroboh yang berasal dari Limbang untuk menguasai kampung berkenaan.

Berbentengkan dengan kain belacu serta berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, serangan tersebut dapat dipatahkan dan seterusnya penduduk kampung berjaya mengusir penceroboh berkenaan.

Di atas kewibawaan serta kepimpinan Haji Tarif dan taatnya kepada Raja maka muncullah perkataan Tamoi itu. Mengambil sukut baik dari nama itu sebuah sekolah rendah telah didirikan menggantikan sekolah yang lama dan diberi nama Sekolah Rendah Haji Tarif.

**Melihat kehandalan serta kegagahan yang dimiliki Liau Haris itu maka orang kampung pun menggelar beliau 'Tamamur Liau Haris atu eh' yang bermakna gagah sungguh Liau Haris. Maka dari kata Tamamur itulah menjadi Tamoi. Begitulah asal usul Kampung Tamoi yang diperolehi.**



**MASJID Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah merupakan salah satu mercu tanda di Mukim Tamoi.**



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada penduduk-penduduk ketika melawat Mukim Tamoi pada tahun 1981.

## Kampung Tamoi Ujong

Kampung Tamoi Ujong atau dulunya dikenali Penganan Kingkin merupakan kampung yang paling hujung di Mukim Tamoi yang menghala ke hulu Sungai Brunei. Ia bersempadan dengan Kampung Tamoi Tengah. Dipanggil Kampung Penganan Kingkin kerana di kampung ini terdapat sebuah keluarga yang kerjanya hanya membuat kuih cincin.

Majoriti penduduk kampung pada masa ini adalah terdiri dari anak jati kampung berkenaan yang tinggal secara turun-temurun. Penduduk kesemuanya beragama Islam dan berbangsa Melayu.

Sehingga ke tahun ini Kampung Tamoi Ujong mencatatkan keramaian penduduk yang semakin berkurangan dengan dianggarkan kurang dari 200 orang.

Merosotnya bilangan penduduk ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti kemudahan kerajaan dalam menyediakan rancangan-rancangan perumahan untuk rakyat selain beberapa penduduk terlibat dalam beberapa musibah seperti kebakaran dan rumah roboh.

Beberapa tahun kebelakangan, kampung ini sempat menjadi sorotan para pelancong dan pembesar luar negara untuk berkunjung di sini untuk melihat secara dekat tradisi serta kehidupan di Kampung Ayer.



PEMANDANGAN suasana Kampung Tamoi Ujong yang diambil dari sebelah Kampung Tamoi Tengah.

## Ketua Kampung

Ketua Kampung merupakan orang penting dalam sesebuah kampung selain memeduli kebajikan anak buah kampung, ia juga menjadi mata, lidah dan mulut kerajaan. Ketua Kampung Tamoi Ujong sekali gus merangkap Ketua Kampung Tamoi Tengah dipimpin oleh Awang Tarip bin Haji Asgar setelah kepimpinan kedua-dua buah kampung tersebut dicantumkan (*rezoning*) pada tahun 2005.

Sistem pemilihan ketua kampung dilaksanakan melalui pengiklanan jawatan dan diikuti dengan sistem pengundian (memilih) oleh semua penduduk kampung yang berkelayakan atau cukup umur.

Antara mereka yang pernah menyandang jawatan Ketua Kampung Tamoi Ujong seperti yang dijelaskan oleh Awang Tarip bin Haji Asgar adalah seperti Awang Acheh bin Dato Imam Haji Mokti; Awang Bakar bin Hashim; Pengarah Haji Mokti bin Mohd. Salleh (Pengahulu Mukim Tamoi).



KETUA Kampung Tamoi Tengah dan Tamoi Ujong, Awang Tarip bin Haji Asgar.

## Majlis Perundingan Kampung

Dalam memantau dan menyelaras aktiviti, program serta projek penduduk kampung, kampung ini tidak terlepas dari mempunyai Majlis Perundingan Kampung (MPK)nya yang tersendiri yang digabungkan dengan Kampung Tamoi Tengah.

Sejak MPK ini ditubuhkan berbagai aktiviti telah diungkayahkan sama ada berbentuk kenegaraan, keagamaan, sosial dan sukan.



PENDUDUK Kampung Tamoi Ujong ketika membuat persiapan bagi kejohanan lumba perahu pada suatu masa dulu (Rumah Awang Bakar bin Hashim).



DERETAN rumah-rumah penduduk di Kampung Tamoi Ujong yang pada masa ini.

## Sukan

Dalam bidang kesukanan penduduk kampung ini sangat terbilang dalam acara lumba perahu. Menurut Awang Tarip bin Haji Asgar lagi, orang Kampung Tamoi memang terkenal dengan kejaguan dalam berlumba perahu dan ini sudah terbukti sejak dulu lagi.

Kejaguan dalam sukan ini menurutnya adalah hasil sifat kesepakatan dan kesungguhan serta semangat kerjasama yang diamalkan oleh penduduk dua buah kampung berkenaan.

Menurut Hj Asgar bin Osman, 86 tahun kegemilangan lumba perahu Kampung Tamoi tidak dapat disangkal kerana ia bermula sejak sekian lama. Pada tahun 50-an dan 60-an, pasukan yang menjadi pesaing antaranya ialah pasukan dari Kampung Saba dan Kampung Sungai Kedayan.

**Kejaguan dalam sukan ini menurutnya adalah hasil sifat kesepakatan dan kesungguhan serta semangat kerjasama yang diamalkan oleh penduduk dua buah kampung berkenaan.**

## Kampung Tamoi Tengah

Kampung Tamoi Tengah merupakan kampung yang terbesar di dalam Mukim Tamoi, memandangkan kampung ini kedudukannya yang luas maka pada dulunya terdapat beberapa nama di dalamnya antaranya: Pencilap, Tendar, Pedaun, Barang Sungai dan lainnya.

Kepimpinan ketua kampung masa ini dipimpin oleh Awang Tarip bin Haji Asgar selaku Ketua Kampung Tamoi Tengah dan Tamoi Ujong. Keramaian penduduknya pada masa ini dianggarkan seramai 320 orang. Faktor kurangnya penduduk-penduduk di kampung ini adalah sama seperti yang berlaku ke atas Kampung Tamoi Ujong dan kampung-kampung lain di Kampong Ayer.

### Pekerjaan

Pada masa ini kebanyakan penduduk di kampung ini bekerja dengan pihak kerajaan selain di sektor swasta dan tidak kurang pula bekerja sendiri. Sementara pada masa dulu-dulunya pula kebanyakan mereka hanya bekerja sendiri sama ada menangkap ikan seperti memukat, merawai, mengulit kayu, mengambil batu dan sebagainya.

Manakala orang-orang perempuan pula hanya sebagai suri rumahtangga selain mengerjakan kerja-kerja sampingan seperti menuhur atap, membuat bakul, membuat tudung dulang dan sebagainya.

Antara makanan yang sering dimakan selain nasi dan lauknya, penduduk di sini juga sering membuat tumpi dan sakul dari ambulong.

Pada akhir tahun 1970-an, kampung ini mempunyai persatuannya sendiri yang diberi nama 'ABETA' iaitu singkatan nama Angkatan Belia Tamoi. Persatuan ini aktif terutama dalam bidang kesukanan dan sosial.



KEDUDUKAN Kampung Tamoi Tengah yang berjiran dengan Kampung Tamoi Ujong.

## Kemudahan

Antara kemudahan yang terdapat di kampung ini dan khususnya untuk kegunaan penduduk di Mukim Tamoi ialah seperti paip air, tenaga elektrik, telefon, jambatan, tempat letak kereta selain sebuah sekolah. Sekolah yang terdapat pada masa ini ialah Sekolah Rendah Haji Tarif bagi menggantikan Sekolah Melayu Tamoi Tengah (SMTT).

Juga terdapat dengan megahnya ialah Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

## Lagenda

Salah satu lagenda yang terdapat pada kampung ini ialah mengenai telaga air yang dipanggil Kandang Batu. Menurut orang tua-tua, mata air telaga tersebut pada mulanya telah dijumpai oleh Haji Tarif.

Telaga tersebut digali oleh tiga orang adik-beradik iaitu Osman bin Sulaiman, Abd. Samad bin Sulaiman dan Ibrahim bin Sulaiman.

Dengan adanya telaga tersebut secara langsung memberi kemudahan kepada penduduk di kampung tersebut dan sekitarnya pada masa itu untuk dijadikan air minum selain untuk memasak.

Telaga tersebut tidak bertahan lama apabila tertimbus bagi pembuatan jalan raya yang letaknya antara persimpangan menuju Makam Diraja dan letak kereta di Mukim Tamoi.

## Ketua Kampung

Menurut cerita orang tua-tua, Jawatan Ketua Kampung Tamoi Tengah ini pernah dipegang oleh Hashim bin Pengarah Sulaiman; Haji Metussin bin Haji Abdullah (Pengarah Haji Metussin selepas memegang jawatan Penghulu Mukim Tamoi); Awang Haji Tengah bin Osman dan Awang Tarip bin Haji Asgar, Ketua Kampung Tamoi Tengah dan Tamoi Ujong (dicantumkan).



BEKAS tapak telaga air yang dipanggil Kandang Batu yang terletak di antara persimpangan menuju Makam Diraja dan letak kereta di Mukim Tamoi.





LAWATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada tahun 1981 di Mukim Tamoi.



PASUKAN Lumba Perahu Mukim Tamoi bergambar ramai setelah memenangi beberapa acara dalam sukan lumba perahu.

## Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama

Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama terletak antara Kampung Pengiran Tajuddin Hitam dan Kampung Pengiran Bendahara Lama. Keramaian penduduknya pada masa ini dianggarkan seramai 115 orang.

### Ketua Kampung

Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama ketika ini dipimpin oleh Awang Haji Abd.Momin bin Haji Bini yang juga selaku Ketua Kampung Pengiran Tajuddin Hitam.

Sebelum ini, jawatan ketua kampung pernah dipegang oleh Awang Haji Hassan bin Damit; Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Haji Maidin dan Pengiran Tengah Dagong.



KETUA Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama dan Kampung Pengiran Tajuddin Hitam, Awang Haji Abd.Momin bin Haji Bini.



PENGISAH mengenai Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama, Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Haji Maidin.

**Jelas Pengiran Mahmud lagi, yang membuka kawasan tersebut pada mulanya bernama Pengiran Pekerma Indera Lama Pengiran Anak Apong dan atas sukut baik nama Pengiran Pekerma Indera Lama tersebut itulah maka kampung itu diberi nama.**

### Asal-usulnya

Menurut pengisah, Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Haji Maidin, mantan Ketua Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama yang mendapat cerita dari datuknya berkata bahawa asal kampung tersebut ialah tempat tinggal anak Raja-Raja keturunan Sultan Omar Ali Saifuddin I bersama-sama dengan pengikutnya serta anak buahnya.

Jelas Pengiran Mahmud lagi, yang membuka kawasan tersebut pada mulanya bernama Pengiran Pekerma Indera Lama Pengiran Anak Apong dan atas sukut baik nama Pengiran Pekerma Indera Lama tersebut itulah maka kampung itu diberi nama.

### Pekerjaan dulu dan sekarang

Dulunya rata-rata penduduk lelaki di kampung tersebut bekerja sebagai pemukat, mengambil karang (batu) dan mengambil kayu manakala penduduk perempuan pula kerjanya hanya membuat kajang, menganyam nyiru, menuhur atap dan sebagainya.

Manakala pada masa ini kebanyakan penduduk kampung berkenaan bekerja di sektor kerajaan, swasta selain bekerja sendiri.

## Permainan dulu

Antara permainan yang sering dimainkan oleh penduduk kampung ini dan tidak terkecuali di kampung-kampung lain di Kampong Ayer ialah seperti permainan kikir, lumba perahu, bermain congkak, simban selain benaindong dan benaindangan.



**SEBAHAGIAN** rumah-rumah kediaman penduduk di Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama yang ada pada masa ini setelah sebahagiannya terlibat dalam kebakaran (atas dan bawah).





PEMANDANGAN Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama (kanan) yang berjiran dengan Kampung Pengiran Bendahara Lama (kiri).

## Kampung Pengiran Tajuddin Hitam

Kampung Pengiran Tajuddin Hitam terletak di antara Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama dan Kampung Tamoi Tengah di bahagian ulu.

Kampung Pengiran Tajuddin Hitam kini dihuni oleh kira-kira 200 orang penduduk dan dipimpin oleh Awang Haji Abd. Momin bin Haji Bini selaku Ketua Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama dan Kampung Pengiran Tajuddin Hitam (dicantumkan).

### Asal usul

Sejarah kewujudan Kampung Pengiran Tajuddin Hitam adalah bersamaan dengan wujudnya Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama dan Kampung Pengiran Bendahara Lama sebagaimana yang diceritakan oleh mantan Ketua Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama, Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Haji Maidin.

Menurut Awang Haji Abdul Rahman bin Kalong, mantan Ketua Kampung Pengiran Tajuddin Hitam, nama kampung tersebut diambil dari nama seseorang iaitu dari keturunan Pengiran-Pengiran (Raja-Raja) yang mana menurutnya nisan kuburnya kulimpapa menjadi batu ada terletak di kawasan makam diraja.

### Ketua Kampung

Sebelum jawatan Ketua Kampung Pengiran Tajuddin Hitam dicantumkan dengan Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama, jawatan tersebut pernah dipegang oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Kalong sejak tahun 1962



AWANG Haji Abdul Rahman bin Kalong pengisah tentang Kampung Pengiran Tajuddin Hitam.

**Menurut Awang Haji Abdul Rahman bin Kalong, mantan Ketua Kampung Pengiran Tajuddin Hitam, nama kampung tersebut diambil dari nama seseorang iaitu dari keturunan Pengiran-Pengiran (Raja-Raja) yang mana menurutnya nisan kuburnya kulimpapa menjadi batu ada terletak di kawasan makam diraja.**

dan beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Penghulu Mukim Tamoi. Sebelum itu jawatan ketua kampung tersebut juga pernah dipegang oleh Awang Budin bin Muara.

## **Pekerjaan**

Pada masa ini sepertimana juga penduduk-penduduk lain di negara ini penduduk Kampung Pengiran Tajuddin Hitam juga tidak terlepas dari berkhidmat dengan sektor kerajaan, swasta dan bekerja sendiri.

Pada masa wujudnya kampung tersebut, kebanyakan penduduk bekerja sebagai penangkap ikan seperti merambat, memukat dan mengail manakala penduduk perempuan pula bekerja menganyam tikar, membuat kain, tudung dulang di samping membuat makanan seperti sapit, buahulu dan sebagainya.

## **Rumah**

Bentuk rumah di kampung tersebut pada zaman dulunya majoriti hampir sama saja di kampung-kampung lain iaitu seperti bertiangkan kayu kulimpapa, nibong dan beratapkan kajang kecuali bagi sesetengah orang sahaja yang berlainan iaitu seperti orang-orang bergelar atau Pengiran-Pengiran peranakan yang mempunyai bentuk rumah yang lebih besar atau berloteng (bertingkat) dengan atap dan tiangnya dari kayu bulian.

Memasuki tahun 60-an dan awal tahun 70-an keadaan rumah-rumah di kampung tersebut dan sebahagian di Kampong Ayer mula berubah di mana rumah-rumah mula dibina dengan bertiangkan konkrit dan beratapkan zink serta berdingkan papan.



SEBAHAGIAN rumah penduduk di Kampung Pengiran Tajuddin Hitam.

## Kampung Pengiran Bendahara Lama

Kedudukan kampung ini bersempadan dengan Kampung Pengiran Pekerma Indera Lama dan berhadapan dengan Kampung Ujong Tanjong menuju ke pusat bandar dengan dipisahkan oleh Sungai Kedayan.

### Ketua Kampung

Kampung Pengiran Bendahara Lama pada masa ini dipimpin oleh Awang Haji Hamid bin Haji Hussin. Menurut Awang Haji Hamid, jawatan ketua kampung ini juga pernah dipegang oleh Syeikh Haji Ibrahim; Haji Halus; Pengiran Anak Metassan dan Haji Tumar bin Lingga (memangku).

### Asal Usul

Kewujudan Kampung Pengiran Bendahara Lama sama kewujudannya dengan Kampung Pengiran Pekerma Indera lama dan Kampung Pengiran Tajuddin Hitam.

Menurut Ketua Kampung, Awang Haji Hamid bin Haji Hussin, Kampung Pengiran Bendahara Lama dulunya dikenali dengan nama Kampung Masjid Lama.

Katanya nama Pengiran Bendahara adalah diambil dari nama wazir pertama kesultanan di negara ini yang dipercayai pernah tinggal di kampung tersebut pada Abad Ke-19.

### Masjid Lama

Masjid Lama yang dihubungkan dengan Kampung Bendahara Lama, menurut Awang Haji Abd. Hamid merupakan salah sebuah masjid tertua yang pernah didirikan di negara ini dan letaknya di kampung tersebut.

Katanya, masjid berkenaan telah musnah sejak sekian lama namun sisa-sisa serpihan peninggalan bangunan tersebut masih dapat dilihat hingga ke hari ini dan letaknya berdekatan dengan Bakut<sup>6</sup> Syeikh Haji Ibrahim. Masjid tersebut beratapkan genting dan berdingkan batu bata.



KETUA Kampung Pengiran Bendahara Lama, Awang Haji Hamid bin Haji Hussin.

**Menurut Ketua Kampung, Awang Haji Hamid bin Haji Hussin, Kampung Pengiran Bendahara Lama dulunya dikenali dengan nama Kampung Masjid Lama.**

---

<sup>6</sup> Bakut ialah timbunan tanah dan sebagainya yang dikelilingi air (biasanya di sungai). Dulu-dulunya bakut ini sering menjadi tempat bagi orang bertukang seperti bertukang tembaga atau besi.

Tidak jauh dari Bakut Syeikh Haji Ibrahim menurut Awang Haji Hamid lagi, terdapat sebuah lagi bakut yang diberi nama Bakut Jambu. Pada bakut tersebut dulunya terdapat banyak pecahan-pecahan seramik lama, kepingan-kepingan pitis, kuit, syiling-syiling lama selain bekas tiang-tiang besar yang dipercayai bekas tapak Istana Pengiran Bendahara Lama.

### **Pekerjaan**

Pekerjaan orang-orang dulu di kampung ini kebanyakannya menangkap ikan selain pertukangan tangan seperti tukang kayu, tukang besi, tukang tembaga dan membuat songkok.

### **Perpindahan**

Pada tahun 1952, sekumpulan dari penduduk berkenaan telah terlibat dengan Skim Pertama Perpindahan yang diselarasakan oleh Jabatan Perpindahan Kampong Ayer ke Darat.

Mereka yang terlibat dipindahkan ke Kampung Bunut di atas sebidang tanah yang telah diperuntukkan oleh kerajaan dengan keluasan 56 ekar bagi menempatkan 28 buah keluarga dengan setiap keluarga diperuntukkan dua ekar.

### **Kemudahan**

Sepertimana jua di kampung-kampung lain di mukim ini, Kampung Pengiran Bendahara Lama juga tidak terlepas dari mempunyai kemudahan-kemudahan yang lain yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti Sekolah Rendah Bendahara Lama, jeti, paip air, tenaga elektrik dan sebagainya.

Salah satu kemudahan awam yang sinonim bagi penduduk Mukim Tamoi yang ada di Kampung Pengiran Bendahara Lama ini ialah jambatan tinggi yang menghubungkan kampung-kampung di Mukim Tamoi ke Kampung Ujong Tanjong untuk menuju ke pusat bandar. Namun jambatan tersebut kini tinggal kenangan apabila terlibat dengan projek pembinaan Taman Mahkota Jubli Emas.



**TAPAK** ini merupakan kesan peninggalan bekas Masjid Lama yang dibina dekat dengan Bakut Syeikh Haji Ibrahim, manakala gambar di belakang adalah sambungan jambatan yang dulunya menghala ke jambatan tinggi menuju ke pusat bandar.





**BALAI RAYA** ini digunakan bagi mengadakan berbagai kegiatan penduduk kampung.



**SEKOLAH** Rendah Bendahara Lama ini merupakan salah satu kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan di kampung tersebut.

## Kampung Ujong Bukit



AWANG Haji Hashim bin Tahir, pengisah Kampung Ujong Bukit dan Kampung Limbungan.

**Jelasnya, sebelum munculnya nama Ujong Bukit ada beberapa nama muncul seperti Pulau Pandaian dan Pandai Kawat yang ertinya pandai membuat barang-barang tembaga.**

Kampung Ujong Bukit dan Limbongan terletak di tebing Sungai Kedayan. Kedudukannya berhadapan dengan Kampung Bukit Salat dan menghala ke ulu Sungai Gadong bersempadan dengan Kampung Sumbiling Baharu. Kampung tersebut pada masa ini sudah tidak wujud lagi apabila kawasan tersebut terlibat dalam projek rancangan pembisaian Bandar Seri Begawan.

Semua penduduknya terpaksa dipindahkan ke beberapa buah Rancangan Perumahan Kerajaan seperti di Rancangan Perumahan Negara di Kampung Panchor, Mengkubau (Jalan Bukit Sinadur) sejak bulan Julai 2017.

### Asal Usul

Asal Kampung Ujong Bukit berawal dari pekerjaan penduduknya yang pada masa itu bekerja sebagai pembuat dan penempa barang-barang tembaga.

Awang Haji Hashim bin Tahir, penduduk asal Kampung tersebut berusia 85 tahun berkata kampung tersebut mempunyai beberapa buah nama sebelum menjadi Kampung Ujong Bukit.

Jelasnya, sebelum munculnya nama Ujong Bukit ada beberapa nama muncul seperti Pulau Pandaian dan Pandai Kawat yang ertinya pandai membuat barang-barang tembaga.

Beliau yang merupakan keturunan pembuat tembaga di kampung tersebut menceritakan bahawa penduduk kampung berkenaan pada asalnya mendirikan rumah di kawasan air berdekatan dengan Pulau Pandaian.

Sementara kerja-kerja menempah tembaga atau bertukang (bekerja) tembaga dilakukan di Pulau Pandaian yang kini dijadikan tempat perkuburan orang-orang Islam.

Oleh kerana sukarnya mendapatkan air semasa bertukang (memasak atau menghancurkan tembaga) di Pulau Pandaian yang memakan masa berjam-jam menyebabkan pekerja seperti pemuput api dan penuang tembaga sering kepanasan dan ini membuatkan mereka terjun ke sungai untuk mandi bagi menyejukkan badan.

Akan tetapi kesulitan dihadapi apabila air tahir (cetek), oleh sebab itulah tempat bertukang tersebut terpaksa berpindah dari Pulau Pandaian ke Ujong Bukit.

Ujong Bukit dipilih kerana kemudahan mendapat air begitu sangat mudah, “panas-panas mandi, panas-panas mandi” ujar beliau.


Menyentuh mengenai Kampung Limbungan, menurut beliau ia pada mulanya bukanlah nama sebuah kampung tetapi adalah nama sebuah tempat bagi pelabuhan kapal pedagang.

Jelasnya, kapal-kapal yang berdagang selalunya akan berlabuh di sana serta akan membersihkan kapal-kapal mereka sebelum meneruskan pelayaran.

Disebabkan seringnya berlabuh di sana adalah pedagang yang membuat rumah di sana dan bilangannya semakin bertambah dari masa ke masa.



**KAWASAN** tanah lapang tersebut pernah berdiri Kampung Ujong Bukit (sebelah kanan) manakala (sebelah kiri) Kampung Limbungan.



LAWATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Kampung Ujong Bukit pada tahun 1981.

## Cerita silam

Menyentuh mengenai zaman silam terutama pada zaman Jepun, Awang Haji Hashim mengandaikan pada zaman tersebut kehidupan penduduk berada dalam keadaan yang amat susah dan sengsara di mana kebanyakan penduduk berhijrah sementara ke kawasan Sungai Talamba untuk bertanam padi.

Katanya, padi pada masa itu hanya dapat dituai selama enam bulan sekali dan dalam waktu itu mereka hanya makan bubur iaitu memasak secupak beras dan dicampur ubi untuk membanyakkannya.

## Jambatan tinggi

Jambatan tinggi atau lebih sinonim pail tinggi merupakan sebuah jambatan yang menghubungkan Kampung Ujong Bukit dan Kampung Limbungan menuju antara Kampung Sungai Kedayan dan Kampung Bukit Salat ke pusat bandar.

Menurut Haji Hashim, jambatan tersebut dibina pada tahun 1968 yang mana kebetulan pada masa itu perancangan kerajaan untuk membuatkan jambatan di seluruh Kampong Ayer.

Jambatan tersebut kini sudah tidak ada lagi namun tapak jambatan berkenaan telah digantikan dengan jambatan konkrit yang menghubungkan ke Taman Mahkota Jubli Emas dengan nama Jambatan Pejalan Kaki Sultan Omar 'Ali Saifuddien.

## Ketua Kampung

Ketua Kampung terakhir bagi Kampung Ujong Bukit ialah Awang Haji Abd. Wahab bin Abd. Rahman manakala jawatan tersebut juga pernah dipegang oleh Hj Mat Noor bin Yusof dan Haji Ahmad Laksamana.

## Tokoh

Antara tokoh agama yang pernah tinggal di Kampung Ujong Bukit ini ialah seperti Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Abd Rahman bin Awang Matserudin manakala bagi Kampung Limbungan ialah Yang Dimuliakan Khatib Abdul Razak bin Abd Rahman Sambas.

**Katanya, padi pada masa itu hanya dapat dituai selama enam bulan sekali dan dalam waktu itu mereka hanya makan bubur iaitu memasak secupak beras dan dicampur ubi untuk membanyakkannya.**



**JAMBATAN** pejalan kaki Sultan Omar 'Ali Saifuddien yang menyeberangi Sungai Kedayan ini adalah bagi menggantikan jambatan tinggi Kampung Ujong Bukit dan Kampung Limbungan menuju ke pusat bandar.



**PEMANDANGAN** indah ibu negara seperti ini bagaikan nostalgia bagi penduduk Kampung Ujong Bukit dan Kampung Limbungan (gambar atas dan bawah).



## **Bibliografi**

Awang Haji Zainuddin bin Haji Hassan (2008), ' Ristaan Bandar Brunei', Pusaka, pusat Sejarah, Bil. 15.

Awang Haji Zainuddin Awang Haji Hassan, Awang Haji Menudin Pengarah Haji Md.Zin, Bandar Brunei:Pemindahan dari Kampong Ayer ke Darat, Buku Kenang-kenangan Sempena Memperingati 100 Tahun (1906-2006) Pembangunan Bandar Di Darat, 2007.

Awang Jaafar bin Muhammad Sab (1988), Kampong Ayer, Pusaka, Bil.2.

Dato Paduka Awang Haji Muhammad bin Abdul Latif, Awang Haji Zainuddin bin Haji Hassan, (2007) Kerajaan Awal Brunei, Pusaka, Pusat Sejarah, Bil. 14.

Datin Dr. Hajah Sa'adiyah binti Datu Derma Wijaya Haji Tamit, (2016) Suara Wanita Brunei Siri 3.



*Penghargaan dan Terima Kasih*  
*kepada*  
*pihak yang berkenaan atas sumbangan gambar-gambar yang digunakan dalam buku ini.*

